



Sabah terima 200,000 vaksin CanSino minggu hadapan



HAIJII Noor (tiga kanan) menandatangani plak pelancaran pemasangan 50 VSAT CONNECTme Now di Kudat hari ini.-Ihsan Jabatan Ketua Menteri

Oleh SURAIDAH ROSLAN 12 Ogos 2021, 6:32 pm

KUDAT: Bekalan vaksin dos tunggal, CanSino dijangka tiba di Sabah pada minggu hadapan yang membabitkan 200,000 dos bagi penghantaran pertama.


Sebelum ini, Sabah memohon sebanyak 1.8 juta dos vaksin CanSino daripada kerajaan Persekutuan melalui Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Khairy Jamaluddin.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, kerajaan negeri mengemukakan permintaan agar Sabah diberi keutamaan untuk menerima vaksin dos tunggal, CanSino.

“Biarpun Jabatan Kesihatan Negeri Sabah meminta sebanyak 1.8 juta dos vaksin CanSino, tetapi bekalan pertama yang akan sampai pada minggu hadapan hanya sebanyak 200,000 dos,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran program Bantuan Ihsan Komputer (BAIK) dan pemasangan perkhidmatan *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) *CONNECTme NOW* dekat sini, hari ini.

Jelas beliau, permintaan itu dibuat dalam mesyuarat secara maya yang diadakan bersama Khairy selaku menteri bertanggungjawab bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).



Hajiji berkata, langkah mempercepatkan proses vaksinasi akan membantu negara memerangi wabak Covid-19.

Mengulas tentang VSAT, beliau berkata, sebanyak 50 lokasi pemasangan VSAT dikenal pasti di bawah menerusi program Jalinan Digital Negara (Jendela) pada tahun ini.

“Sebanyak RM3.5 bilion diperuntukkan kepada Sabah bagi meningkatkan capaian internet 4G di negeri ini sehingga mencapai 90 peratus menjelang 2023.


“Setakat Mei, sebanyak 51 menara telekomunikasi dinaik taraf daripada 3G kepada 4G manakala, 1,648 menara lagi masih dalam proses dinaik taraf,” katanya.

Tambah Hajiji, MOSTI Sabah juga akan memasang kemudahan VSAT di 300 lokasi terpilih pada tahun hadapan bagi melengkapi pemasangan VSAT di bawah proaram Jendela vana sedana dilaksanakan.


Di bawah Jendela, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenal pasti 138 lokasi pemasangan VSAT di Sabah manakala, 59 VSAT lagi akan dipasang di sekolah yang tidak mempunyai kemudahan internet dan ia akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA


by




Lelaki meninggal dunia
ketika makan di restoran




Pelaburan Bitcoin
RM1,000 Yang Membu...




Mbappe tidak suka
kehadiran Messi di PSG




Rahsia Pelajar Kolej 24
Tahun Capai Kebebasan...




Sebenarnya dia sedih –
Siti Sarah




Giliran Vida pula dikecam
kerana tiada sensitiviti



Pulau Pinang harap stok
vaksin tidak kehabisan



Bekalan vaksin ke Perak
mendahului



Pasukan urus jenazah
'bomoh' akibat Covid-19

POPULAR



Reman Datuk Bandar disambung, orang
tengah direman enam hari

13 Ogos 2021, 3:11 pm



Hanya dua dos boleh solat di masjid di Johor

13 Ogos 2021, 3:04 pm



Lagi cadangan tangguh pembukaan sekolah

13 Ogos 2021, 2:59 pm



Gagal seludup burung, ayam laga

13 Ogos 2021, 2:47 pm

[Amalan berpuasa boleh mencegah obesiti](#)

[4 lelaki termasuk 2 beradik didakwa membunuh](#)

[PSUAM rayu Najib diberi pengampunan diraja](#)

[Kurang 10 minit padam api bilik tidur kuarters](#)

[Peguam nafi 'songlap' duit lebih RM1.28 juta](#)

[Gagal seludup burung, ayam laga RM65,000](#)

BERITA BERKAITAN





Reman Datuk Bandar disambung, orang tengah direman enam hari

13 Ogos 2021, 3:11 pm



Hanya dua dos boleh solat di masjid di Johor

13 Ogos 2021, 3:04 pm





Lagi cadangan tangguh pembukaan sekolah

13 Ogos 2021, 2:59 pm



Gagal seludup burung, ayam laga

13 Ogos 2021, 2:47 pm

PEMERIKSAAN BARU
Utusan
Malaysia



PREMIUM

LANGGANAN

Terma dan Syarat
Hubungi Kami